

22/02/1998

Malaysia-Singapura perlu lengkap-melengkapi

A Nazri Abdullah

KITA sepatutnya tidak lagi bercakap permasalahan hubungan Malaysia-Singapura sekiranya kedua-dua pihak menerima hakikat sejarah dan melihat ke hadapan secara positif. Apa yang sudah berlaku sepatutnya dikenang sebagai pengajaran bagi membentuk hubungan kejiranan yang lebih mesra dan menguntungkan kedua-dua-dua belah pihak. Walaupun masih ada beberapa perkara remeh-temeh yang belum selesai di antara kedua-duanya, ini tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk mengeruhkan hubungan. Kedua-dua belah pihak mesti mengetepikan emosi dan sentimen keakuan kerana perasaan ini tidak menguntungkan sesiapa.

Sebenarnya tidak ada masalah besar dalam hubungan Malaysia-Singapura jika kedua-dua pihak kerap bersemuka dan membicarakan kepentingan bersama secara telus dan berterus-terang. Pemimpin kedua-dua negara sepatutnya melihat di antara satu sama lain bukan sekadar sahabat tetapi saudara kembar yang mempunyai banyak kepentingan bersama. Oleh itu, perasaan rendah diri atau tinggi diri tidak seharusnya berbangkit, jauh sekali perasaan bongkak dan menyombong diri. Sesiapa saja yang menjadi pemimpin Singapura mesti menghapuskan prasangka buruk kononnya Malaysia bersikap abang. Selagi perasaan ini menghantui pemimpin Singapura maka selagi itulah mereka akan berusaha menunjukkan diri mereka juga abang.

Beberapa insiden di antara Perdana Menteri Goh Chok Tong dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini menyebabkan kemesraan hubungan mereka menjadi cair. Kalau Dr Mahathir sedia turun ke tangga menyambut kedatangan Chok Tong, tentulah kurang sopan jika Chok Tong membiarkan Dr Mahathir menunggu di bilik tetamu. Tidak wujud adik abang dalam hubungan kejiranan Asean kecuali penghormatan kepada pemimpin yang lebih tua. Nilai-nilai budaya Timur ini perlu kita kekalkan walaupun negara kita lebih besar atau ekonomi kita lebih kuat.

Kita harap lawatan Chok Tong baru-baru ini akan membuka era baru hubungan dua negara ke arah yang lebih intim dan mesra. Kita memahami betapa sukar bagi Chok Tong di peringkat awalnya untuk menjadi pemimpin yang berkesan kerana beliau sentiasa dibayangi oleh Lee Kuan Yew yang mempunyai pelbagai sentimen dan alasan peribadi terhadap Malaysia dan Dr Mahathir. Kita lupakan saja kenyataan-kenyataan Kuan Yew selama ini kerana banyak yang terbukti tidak benar. Kuan Yew pernah menyifatkan Singapura umpama Yahudi di belantara Melayu dan anggapan inilah yang menyebabkan hubungan Singapura dengan negara-negara jiran ketika itu penuh dengan perasaan syak wasangka.

Sebagai negara jiran, menghormati sensitiviti di antara satu sama lain amatlah penting. Kedua-dua negara sepatutnya saling bertukar pendapat sebelum membuat sesuatu yang boleh menyentuh sensitiviti jirannya, khususnya yang membabitkan pihak ketiga. Walaupun kita menghormati hak masing-masing dalam menentukan dasar hubungan luar, sebagai anggota Asean kita tidak boleh mengambil sikap yang berasingan kerana hendak menyelamatkan diri sendiri.

Beberapa persetujuan yang dicapai dalam pertemuan Dr Mahathir-Chok Tong baru-baru ini sepatutnya melenyapkan apa saja prasangka buruk di antara kedua-dua negara. Kalau Malaysia begitu peka dengan kebuluran rakyat di benua Afrika dan Korea Utara, tentulah Malaysia tidak sanggup melihat rakyat Singapura mati kehausan tanpa air. Apa yang penting ialah berunding dan menyelesaikan sebarang isu secara bermuafakat. Walaupun Singapura tidak mempunyai apa-apa harta yang hendak dituntut di Malaysia, ini tidak

sepatutnya dijadikan alasan untuk menyulitkan Malaysia memajukan hartanya di Singapura. Isu Woodland satu ketika dulu dapat dielakkan jika Singapura tidak berprasangka buruk terhadap Malaysia. Rundingan mengenai tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) masih lagi terbengkalai kerana Singapura yang kaya raya hasil daripada belantara Melayu tidak mahu bertolak ansur. Setiap perjanjian pasti dipertikaikan jika tidak ada ketelusan dan perasaan saling bantu membantu di antara satu sama lain. Singapura tidak memerlukan landasan keretapi malah perkhidmatan KTM ke pulau itu tidak menguntungkan, tetapi kerana keengganan bertolak ansur maka KTM terpaksa meneruskan perkhidmatannya bagi memastikan Malaysia tidak kehilangan haknya di pulau itu.

Singapura sepatutnya melihat tanah milik KTM sebagai peluang untuk membantu Malaysia meningkatkan pelaburannya di pulau itu. Dengan kedudukan ekonominya yang kukuh dan rizabnya yang banyak, Singapura boleh berfungsi dengan lebih aktif membantu ekonomi jiran-jirannya. Begitu juga dengan Malaysia, pelbagai peluang pelaburan dalam projek infrastruktur dan hartanah boleh diberi kepada syarikat Singapura. Apa faedahnya kita menawar penyertaan ekuiti kepada syarikat dari Eropah atau Taiwan sedangkan ramai pelabur Singapura yang boleh turut serta.

Kita mengalu-alukan saranan Chok Tong supaya diwujudkan cross holding ekuiti di antara usahawan Malaysia-Singapura. Memandangkan pemilikan bersilang ini sudah wujud di kalangan beberapa usahawan Cina, kita sepatutnya melebarkan lagi kepada agensi-agensi kerajaan. Bagi merealisasikan hasrat ini kedua-dua kerajaan mestilah mengamalkan sikap saling membantu dan lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Dengan melihat kelemahan dan kekuatan masing-masing, kedua-dua kerajaan boleh memperkenalkan beberapa keistimewaan dan kemudahan kepada usahawan kedua-dua negara. Umpamanya Malaysia boleh melonggarkan syarat pemilikan hartanah dan rumah kepada warga Singapura dan Singapura pula melonggarkan syarat untuk usahawan Malaysia memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikatnya. Kita yakin sekiranya perasaan saling bantu membantu ini wujud, usahawan kedua-dua negara dapat meneroka pelaburan di negara ketiga dengan lebih aktif dan berkesan.

(END)